

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan.

ARAHAH :

Kertas ini dibahagikan kepada **DUA [2]** bahagian: **A** dan **B**.

Jawab **SATU [1]** soalan dari setiap bahagian.

Setiap jawapan tidak boleh melebihi tiga halaman.

Sila catatkan dengan jelas nama tutor yang mengendalikan tutorial anda dan pusat pengajian anda di sudut kiri skrip.

Nyatakan dengan jelas teknik-teknik berfikir yang anda gunakan dalam jawapan anda.

Bahagian A:

Jawab **SATU [1]** soalan sahaja

1. Dengan menggunakan gaya berfikir kreatif secara desain hasilkan satu kempen kesedaran mengenai bahaya memandu dengan menggunakan emosi dan bukan logik.
2. Sejak kebelakangan ini, lebih ramai kaum wanita berjaya mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi berbanding dengan kaum lelaki.
 - [a] Dengan menggunakan kaedah konsep segitiga beri cadangan-cadangan bagi meningkatkan bilangan kaum lelaki dalam Institusi Pengajian Tinggi.
 - [b] Dengan menggunakan dua alat-alat berfikir yang sesuai, bincangkan keberkesanan dua daripada cadangan-cadangan yang telah diberi.

Bahagian B:

Jawab **SATU [1]** soalan sahaja

3. Masalah disiplin di kalangan operator pengeluaran di industri perkilangan bukanlah satu perkara baru. Berikan satu program pelan tindakan yang boleh digunakan oleh industri perkilangan untuk mengurangkan masalah disiplin tersebut dengan menggunakan :-
 - [a] teknik pemetaan minda, dan
 - [b] gaya pemikiran analitikal, kreatif dan pragmatik

4. Tugas anggota bomba adalah untuk memadam kebakaran. Walaubagaimanapun disebabkan masalah-masalah teknikal seperti kesesakan lalulintas dan maklumat yang tidak tepat, anggota bomba sering lambat sampai ke tempat kejadian.

Dengan menggunakan teknik enam topi berfikir dan provokasi “satu rumah satu pili bomba”, cadangkan pendekatan-pendekatan yang boleh diperkenalkan untuk mengurangkan masalah di atas.

5. “Beberapa penghuni desasiswa mengadu bahawa ada sampul surat mereka dikoyak dan bahan dalam sampul surat serta setem sering hilang dari surat mereka.” (Berita Kampus, 19 Jun 2001)

Sebagai seorang wakil desasiswa yang telah mengikuti kursus Teknik Berfikir HTV 201, anda diminta untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dengan menggunakan alat-alat berfikir yang sesuai, jelaskan bagaimana anda boleh menangani masalah tersebut dengan efektif.

6. Selesaikan masalah tandas kotor di Universiti Sains Malaysia dengan menggunakan pemikiran saintifik dengan menekankan kepada :-

- [a] tujuan
- [b] hipotesis
- [c] pengumpulan data, dan
- [d] keputusan/kesimpulan